

19 JUN 1998

Mahathir-Gawat

ELAK NAFSU KUASAI DIRI SEMASA KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Anggota dan pemimpin Umno semua peringkat tidak boleh membenarkan nafsu iri hati, benci dan dendam menguasai mereka dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi, kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sebaliknya mereka hendaklah memastikan pemikiran menguasai diri atau sekurang-kurangnya membendung nafsu itu serta memelihara perpaduan parti yang amat diperlukan untuk mengatasi masalah itu, kata Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno ke-52 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Biarlah orang lain dikuasai perasaan iri hati, benci, dendam dan sebagainya. Apa juga yang kita lakukan hendaklah diasaskan kepada pemikiran dan perhitungan sesuai dengan tamadun yang tinggi, insya-Allah," katanya kepada lebih 1,900 anggota perwakilan.

Dalam ucapan bertemakan "Cabaran Kegawatan", beliau mengupas faktor-faktor yang menyebabkan masalah ekonomi itu yang mula melanda negara hampir setahun yang lepas.

Ucapan itu disiarkan secara langsung menerusi radio dan televisyen.

Dr Mahathir berkata walaupun ada yang menyatakan masalah itu adalah urusan orang kaya dan dengan itu mahu supaya mereka berasa penderitaan itu, namun pada hakikatnya ia merupakan masalah semua.

"Yang harus kita ambil perhatian ialah apabila peniaga dan pengusaha yang besar menghadapi masalah, kita yang kecil juga akan mengalami masalah, bahkan seluruh negara akan menghadapi masalah," katanya.

Menurut beliau, daripada keuntungan perusahaan yang besarlah, kerajaan memperolehi cukai untuk perbelanjaan negara.

"Justeru janganlah kita terlalu terikut-ikut dengan kegembiraan pembangkang apabila syarikat besar kita menghadapi masalah. Masalah mereka adalah masalah kita juga.

"Percubaan untuk menimbulkan perasaan benci dan iri hati kepada yang bermasalah adalah tidak wajar," katanya.

"Kita harus faham semua ini. Kita harus faham kerana sama ada kita berjaya atau tidak dalam usaha mengatasi masalah ekonomi dan kewangan kita bergantung kepada sejauh mana kita semua memahami masalah yang kita hadapi.

"Tidak memahami apa yang menyerang kita adalah sama dengan keadaan kita buta dan tidak tahu dari mana datangnya serangan. Orang yang tidak tahu apa yang menyerangnya akan bermusuhan dengan orang lain, orang yang tidak bersalah. Maka ketawa besarlah penyerang," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan yakin dapat menangkis serangan terhadap negara dan akhirnya memulihkan semula ekonomi negara dengan sokongan rakyat.

"Kerajaan yang UMNO terajui telah membentuk berbagai-bagai strategi dan pendekatan yang tidak perlu saya huraikan di sini kerana masa belum tiba dan ada pihak tertentu yang akan cuba menggagalkannya," katanya.

Para pemimpin dari 13 lagi parti komponen Barisan Nasional serta wakil parti politik dari lapan negara turut menghadiri majlis perasmian itu.

Ucapan presiden itu serta satu lagi usul mengenai ekonomi akan dibahaskan oleh para perwakilan yang bersidang sehingga Ahad ini.

Dr Mahathir berkata rakyat harus berganding bahu dalam mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara.

"Ingatlah mereka yang mencetuskan kegawatan ekonomi sehingga kita mengalami masalah besar, adalah orang yang lebih kurang sama dengan orang

yang menjajah kita dahulu, orang yang dahulu menjajah dunia. Jangan kita fikir tabiat mereka sudah berubah. Harimau tetap dengan belangnya," katanya.

"Semasa mereka ditentang oleh Komunis mereka menunjukkan muka yang manis. Mereka begitu sekali mengambil berat dengan hak asasi manusia, dengan penindasan yang berlaku sesama manusia, dengan keganasan Komunis dan ketidakadilan lain dalam dunia," katanya.

Katanya, pihak Barat mendakwa mereka akan bertindak mencegah ketidakadilan dan sebarang penindasan di mana sahaja. (63)

"Mereka bayangkan tindakan mereka seperti 'Rambo' dalam wayang gambar keluaran Hollywood, yang begitu berani, gagah, berjaya dan tidak pernah mati.

"Tetapi ingatlah Bosnia-Herzegovina," kata beliau, mengenai sikap Barat yang tidak berbuat apa-apa apabila Serb menyerang puak Islam dan Croat di Bosnia.

Menurutnya, kira-kira 300,000 orang Islam Bosnia dibunuh dengan sia-sia sebelum Barat berani bertindak terhadap puak Serb dan Serbia.

"Melihat peristiwa Bosnia-Herzegovina, Rwanda dan Burundi dan sekarang ini Kosovo, apakah kita boleh percaya Barat akan mempertahankan hak asasi manusia termasuk hak untuk bekerja dan mendapat upahan yang halal?," katanya.

-- BERNAMA  
AZZ ZKS NMO